



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

SHOWCASE SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) WILAYAH UTARA & JELAJAH HARI USAHAWAN, AGRO DAN KOPERASI PERAK TAHUN 2024

IPOH, 25 MEI 2024 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP) telah menganjurkan *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Wilayah Utara dan Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Perak Tahun 2024 di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak bermula 24 – 26 Mei 2024. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mempromosikan produk-produk usahawan SDSI dari Negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis serta merupakan medium pemasaran produk dan perkhidmatan usahawan tempatan. Seramai lebih 100 usahawan terlibat dalam aktiviti jualan dan pameran produk makanan & minuman (F&B), produk kraf, produk inap desa dan produk/perkhidmatan kesihatan sepanjang program berlangsung. Di majlis yang sama, turut diadakan upacara penyerahan cek pembiayaan perniagaan kepada 117 usahawan berjumlah RM9.06 juta.

KUSKOP turut menganjurkan aktiviti PADANIAGA melibatkan 5 pasar raya terkemuka seperti Lotus's Malaysia, Segi Fresh, SH Synergy, Mydin dan Petronas Mesra. Program tersebut menyasarkan potensi padanan perniagaan bernilai RM1 juta. Selain daripada itu, melalui program BIAYA pula, usahawan akan turut mendapat akses kepada peluang-peluang pembiayaan yang ditawarkan oleh 5 agensi di bawah KUSKOP dan 7 bank komersial. Program ini menyasarkan potensi pembiayaan sebanyak RM2 juta.

Pelbagai sesi perkongsian maklumat dan aktiviti tarikan pengunjung juga dilaksanakan bagi memeriahkan lagi program *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Wilayah Utara dan Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Perak Tahun 2024.

Penganjuran ini selaras dengan hasrat dan kerangka visi MALAYSIA MADANI di bawah tonggak “kesejahteraan” yang membawa makna keseimbangan, bagi memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. KUSKOP juga berharap program ini dapat merancakkan aktiviti keusahawanan dan koperasi di negeri-negeri di wilayah utara khususnya negeri Perak sekali gus meningkatkan daya saing usahawan tempatan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

*Rozer bin Masudin
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Tel: 012-242 5481 E-mel: ukk@kuskop.gov.my*